



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (06 JUN 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

##### **A. Kes Baharu COVID-19.**

Sarawak mencatatkan **600 kes baharu** COVID-19 hari ini. Sejumlah **321 atau 53.50 peratus** daripada jumlah kes ini telah dikesan di **Daerah Kuching, Sibu dan Bintulu.**

Daerah-daerah yang merekodkan kes pada hari ini ialah Daerah Kuching (113), Sibu (107), Bintulu (101), Miri (72), Sri Aman (39), Kapit (26), Tatau (26), Pakan (19), Samarahan (15), Sebauh (12), Subis (11), Betong (11), Serian (9), Meradong (9), Bau (8), Bukit Mabong (4), Asajaya (4), Mukah (4), Julau (2), Pusa (2), Lawas (2), Daro (1), Kanowit (1), Sarikei (1) dan Marudi (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes **meningkat kepada 51,171.**

Daripada 600 kes baharu yang dilaporkan, seramai 51 orang telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Manakala, seramai 478 orang kes adalah terdiri daripada individu yang telah diberikan arahan perintah kuarantin. Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- **443 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (kes tidak bergejala);
- **71 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (kes tidak bergejala);
- **51 kes** merupakan saringan individu bergejala di fasiliti kesihatan;
- **32 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (kes tidak bergejala);
- **2 kes** melibatkan individu yang balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia (Import B) (kes tidak bergejala).
- **1 kes** melibatkan individu yang balik dari luar negara (Import A) iaitu dari negara Brunei.

## **B. Kes Kematian Covid-19 Baharu.**

Hari ini terdapat **empat (4) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada seramai **322 orang**.

## **I. Kes Kematian Ke-319.**

**Kes kematian ke-319 adalah kes ke-43,239** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 62 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Kanowit kerana mengalami kesukaran bernafas. Kes mulai mengalami gejala demam, cirit birit, muntah dan kelesuan badan sejak seminggu yang lalu. Swab bagi ujian saringan COVID-19 dengan RT-PCR pada 21 Mei 2021 disahkan positif COVID-19. Kes dirujuk ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 05 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia. Kes juga merupakan kes daripada kluster Sungai Ranan.

## **II. Kes Kematian Ke-320.**

**Kes kematian ke-320 adalah kes ke-28,877** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 72 tahun yang telah dirujuk ke Hospital Sibu kerana kes mengalami kesukaran bernafas dan juga didapati kurang responsif semasa berada di pusat kuarantin. Swab bagi ujian saringan kontak rapat kes positif COVID-19 dengan RT-PCR pada 25 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 05 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi, dislipidemia, gout, penyakit paru obstruktif kronik.

### **III. Kes Kematian Ke-321.**

**Kes kematian ke-321 adalah kes ke-38,698** melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 72 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Sarikei kerana mengalami kesukaran bernafas. Kes mulai mengalami gejala demam, batuk dan kesukaran pernafasan sejak beberapa hari yang lalu. Swab bagi saringan COVID-19 dengan Rapid Molecular pada 16 Mei 2021 disahkan positif. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 05 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid darah tinggi.

### **IV. Kes Kematian Ke-322.**

**Kes kematian ke-322 adalah kes ke-50,962** melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 61 tahun yang telah mendapatkan rawatan di Hospital Miri kerana mengalami kesukaran bernafas. Kes mulai mengalami gejala batuk, selsema dan kesukaran pernafasan sejak empat (4) hari yang lalu. Swab bagi saringan COVID-19 dengan Rapid Molecular pada 05 Jun 2021. Keadaan kesihatan kes semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 05 Jun 2021. Kes mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada semua ahli keluarga mangsa.

### **C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di PKRC.**

Hari ini terdapat **435** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini iaitu:

- **109 kes** dari Hospital Umum Sarawak dan PKRC di bawah Hospital Umum;
- **93 kes** dari Hospital Miri dan PKRC di bawah Hospital Miri;
- **85 kes** dari Hospital Sibu dan PKRC di bawah Hospital Sibu;
- **39 kes** dari PKRC Mukah;
- **33 kes** dari Hospital Kapit dan PKRC di bawah Hospital Kapit;
- **25 kes** dari Hospital Bintulu dan PKRC di bawah Hospital Bintulu;
- **19 kes** dari Hospital dan PKRC Sri Aman;
- **14 kes** dari PKRC Serian;
- **10 kes** dari Hospital Sarikei;
- **7 kes** dari PKRC Betong; dan
- **1 kes** dari Hospital Limbang

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **41,843** orang atau **81.77%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **8,892** orang.

Manakala, **600 PUI** baharu telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Kluster Baharu [Satu (1) Kluster Baharu].**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisyiharkan **satu (1)** kluster baharu iaitu Kluster Ulu Sebakong, Mukah. Ringkasan kluster-kluster tersebut adalah seperti berikut:

##### **I. Kluster Ulu Sebakong, Mukah**

Kluster Sebakong merupakan satu kluster komuniti yang dikesan melibatkan sebuah rumah panjang di Ulu Sebakong, Mukah yang berpunca dari aktiviti pengebumian yang telah berlangsung pada 19 hingga 21 Mei 2021 di rumah panjang yang telah dihadiri oleh penduduk dari rumah panjang tersebut. Sejumlah 78 individu telah disaring di mana:

- 50 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 90 kes didapati negatif ; dan
- 7 kes masih menunggu keputusan makmal.

Kesemua kes positif COVID-19 ini telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Sibu dan PKRC di Daerah Mukah bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut.

## **E. Kluster Tamat [Lima (5) Kluster Tamat].**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisyiharkan **lima (5)** kluster tamat setelah tiada kes baharu dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 28 hari melibatkan kluster ini iaitu:

- i. Kluster Sungai Kawi, Meradong;
- ii. Kluster Ulu Balingian, Selangau;
- iii. Kluster Sungai Rian, Meradong;
- iv. Kluster Sungai Lemayong, Meradong;
- v. Kluster Sungai Senibung, Julau.

## **F. Kluster Yang Masih Aktif.**

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **76 kluster**. Sebanyak sebelas (11) kluster telah merekodkan 32 penambahan kes baharu manakala 65 kluster tidak merekodkan penambahan kes.

## **G. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini **daerah Belaga telah bertukar ke status Kuning daripada status Merah** setelah merekodkan hanya 16 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Kuning meningkat kepada lapan (8) daerah.

**Daerah Simunjan pula telah bertukar ke status Jingga daripada status Merah** setelah merekodkan sejumlah kes hanya 36 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Jingga meningkat kepada empat (4) daerah.

Manakala, 28 daerah berstatus Merah dan tiada daerah berstatus Hijau.

## **2. PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN ASTRAZENECA**

Terdapat dua (2) buah Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca (PPVAZ) yang akan mula beroperasi di Sarawak bermula 7 Jun 2021 iaitu di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), Kuching dan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Miri.

Pusat Pemberian Vaksin AstraZeneca di PPVAZ BCCK dan PPVAZ IKBN akan beroperasi mengikut jadual tersebut:

### **PPVAZ BCCK, Kuching:**

Isnin - Jumaat (8.00 pagi hingga 9.00 malam)

Sabtu dan Ahad (8.00 pagi hingga 5.00 petang)

### **PPVAZ IKBN, Miri:**

Isnin - Ahad (8.00 pagi hingga 5.00 petang)

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **59 kompaun** di daerah Kuching (31), Miri (9), Bintulu (6), Dalat (6), Sibu (3), Lawas (2), Serian (1) dan Sarikei (1) kerana telah melanggar SOP seperti berikut:

- i. Berkumpul di tempat awam melebihi 2 orang (13)
- ii. Berada ditempat awam selepas jam 10.00 malam (13)
- iii. Membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan (11)
- iv. Tidak memakai pelitup muka (9)
- v. Rentas daerah tanpa surat kebenaran (6)
- vi. Keluar daerah tanpa alasan yang munasabah (3)
- vii. Tidak mengimbas MySejahtera semasa masuk premis (2)
- viii. Keluar dari kawasa ACD (1)
- ix. Membuka premis yang tidak dibenarkan semasa PKP (1)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan sejak 18 Mac 2020 hingga hari ini sebanyak **7,251 kompaun**.

Pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak pula telah mengeluarkan **14 kompaun** di bawah seliaan MP Kota Samarahan (4), MD Limbang (4), MD Kapit (3), MD Lawas (1), MB Miri (1) dan BDA (1) atas kesalahan pelanggaran SOP seperti berikut:

- i. Tidak mendaftar MySejahtera (7)
- ii. Beroperasi tanpa kebenaran semasa PKP (3)
- iii. Tidak mengemaskini buku daftar/buku daftar tidak lengkap (3)
- iv. *Dine-in* (1)

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT sejak 01 Februari 2021 hingga hari ini adalah sebanyak **899 kompaun.**

#### **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat keputusan berikut:

##### **A. Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:**

- i. PKPD Rh. Tuntun Seduku, Lingga, Sri Aman (05 hingga 18 Jun 2021)
- ii. PKPD Rh. Demai, Sg Lelabi, Bintangor, Meradong (06 hingga 22 Jun 2021)
- iii. PKPD Rh. Didong, Jalan Bayong, Sarikei (06 hingga 22 Jun 2021)

##### **B. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bagi:**

- i. PKPD Rh. Johnson Kampung Seduku, Lingga, Sri Aman (02 hingga 15 Jun 2021)

**C. Penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan  
(PKPD) Bagi:**

- i. Kampung Tanjung Bundong Tradisi, Kota Samarahan (06 Jun 2021)
- ii. Kampung Tanjung Bundong Fasa 1 dan 2, Kota Samarahan (06 Jun 2021)
- iii. Rh. Lidi, Ulu Babu, Debak, Betong (06 Jun 2021)
- iv. Rh. Chunggat, Munggu Ubah, Kabo Betong (06 Jun 2021)
- v. Rh. Empading, Bunu Skrang, Sri Aman (06 Jun 2021)
- vi. Rh. Sube, Sungai Lemaus, Niah-Subis, Miri (06 Jun 2021)
- vii. Rh. Lang, Nangga Meruan, Dijih, Selangau (08 Jun 2021)

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
06 JUN 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cumm. Positive Cases		50,571	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	8,892	17.38%
New Cases		600	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	78	0.15%
Total Samples by Individu		896,478	Intubated Cases	34	0.07%
Cumm. Positive Cases		51,171	Total COVID-19 Death Cases	322	0.63%
IR per 100,000 population		1,658.76	Total Non-COVID-19 Death Cases	108	0.21%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases	41,843	81.77%
Negative	0	12,629	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>		New
PUI Pending Result	0	0			Cummulative
				600	63,800

Current Status		SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarawak	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	PKRC Di Semuja	Hospital Sri Aman	PKRC Penjara Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)		2,289	1,331	1,536	1,737	10	407	748	154	192	112	19	0	357	0	0	0	8,892
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		16	33	11	9	0	4	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	78
Intubated cases		11	16	1	4	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	34
Total COVID-19 Death Cases		41	130	50	41	0	23	26	2	3	1	0	0	5	0	0	0	322
Total Non-COVID-19 Death Cases		21	29	15	21	0	3	11	4	1	0	0	2	1	0	0	0	108
Recovered and discharged cases	New	109	85	25	93	1	10	33	7	39	14	0	0	19	0	0	0	435
	Cummulative	6,403	11,829	6,245	6,229	62	2,846	3,504	1,110	1,440	798	34	426	567	346	1	3	41,843
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED		3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)		8,750	13,310	7,841	8,031	72	3,284	4,293	1,272	1,637	912	53	429	929	346	1	3	51,163

DAERAH MERAH (28)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sebauh	12	348	12	386	0	284	0	1	0	2	99	92	92
2	Kabong	0	69	0	74	1	51	0	0	0	0	23	42	42
3	Dalat	0	443	0	343	0	268	0	1	0	1	73	74	74
4	Bau	8	523	8	353	6	272	0	1	0	1	79	87	74
5	Marudi	1	127	1	116	2	72	0	0	0	0	44	45	45
6	Meradong	9	851	9	1280	1	1,104	0	2	0	8	166	119	119
7	Lubok Antu	0	154	0	132	0	57	0	0	0	2	73	80	80
8	Beluru	0	579	0	630	4	531	0	1	0	2	96	90	90
9	Asajaya	4	198	4	187	6	76	0	0	0	0	109	128	115
10	Tanjung Manis	0	189	0	167	27	141	0	0	0	2	24	80	80
11	Tatau	26	336	26	354	2	206	0	1	0	0	147	190	190
12	Julau	2	553	2	566	3	537	0	0	0	4	25	66	66
13	Bukit Mabong	4	620	4	753	2	654	0	0	0	1	98	135	135
14	Betong	11	943	11	774	4	691	0	4	0	1	78	95	95
15	Sri Aman	39	1279	39	1236	19	944	0	1	0	4	287	310	310
16	Pakan	19	537	19	580	2	494	0	2	1	8	76	119	119
17	Kanowit	1	1047	1	1209	5	1,097	0	2	1	8	102	89	89
18	Selangau	0	1033	0	1171	11	1,001	0	1	0	10	159	199	196
19	Subis	11	956	11	1047	2	772	0	0	0	4	271	274	274
20	Mukah	4	1,291	4	1272	3	1,163	0	1	0	4	104	159	158
21	Sarikei	1	1,002	1	904	5	756	0	1	0	9	138	209	207
22	Samarahan	15	1,798	15	1259	16	892	0	1	0	8	358	378	323
23	Serian	9	1,545	9	1360	10	1,236	0	4	0	2	118	127	91
24	Kuching	113	16,457	113	6,363	81	4,637	1	16	0	27	1,683	1,886	1,880
25	Kapit	26	2,955	26	2,769	31	2,263	0	11	0	25	470	369	365
26	Bintulu	101	7,515	101	6,768	20	5,611	0	9	0	43	1,105	840	836
27	Miri	72	6,992	72	6,201	86	4,826	0	19	1	37	1,319	1,234	1,233
28	Sibu	107	10,646	107	10,522	67	9,333	0	23	1	100	1,062	1,121	1,090
<b>Jumlah</b>		<b>595</b>	<b>60,986</b>	<b>595</b>	<b>48,776</b>	<b>416</b>	<b>39,969</b>	<b>1</b>	<b>102</b>	<b>4</b>	<b>313</b>	<b>8,386</b>	<b>8,637</b>	<b>8,468</b>

DAERAH JINGGA (4)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
1	Simunjan	0	102	0	62	4	42	0	0	0	1	19	38	38
2	Saratok	0	323	0	326	2	288	0	1	0	4	33	32	32
3	Pusa	2	236	2	230	0	204	0	0	0	0	26	37	37
4	Song	0	617	0	687	0	618	0	1	0	3	65	35	35
Jumlah		2	1,278	2	1,305	6	1,152	0	2	0	8	143	142	142

DAERAH KUNING (8)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Belaga	0	349	0	352	2	62	0	1	0	0	289	16	16
2	Telang Usan	0	14	0	16	0	7	0	0	0	0	9	9	9
3	Lawas	2	91	2	72	0	54	0	0	0	0	18	15	4
4	Daro	1	111	1	49	1	47	0	1	0	0	1	14	14
5	Tebedu	0	130	0	130	0	125	0	0	0	0	5	6	6
6	Limbang	0	116	0	82	1	70	0	1	0	1	10	8	3
7	Matu	0	244	0	165	9	156	0	1	0	0	8	16	16
8	Lundu	0	481	0	224	0	201	0	0	0	0	23	26	19
Jumlah		3	1,536	3	1,090	13	722	0	4	0	1	363	110	87

DAERAH HIJAU (0)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
Jumlah		0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah Besar		600	63,800	600	51,171	435	41,843	1	108	4	322	8,892	8,889	8,697

## A. Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah

### RINGKASAN BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI PENGESANAN

Daerah	Bilangan Kes Baharu	Kategori Kes Mengikut Pengesanan							Bilangan Kes Bergejala		
		Kluster aktif sedia ada (Senarai kluster dengan kes baharu)	Saringan Kontak kepada kes positif	Saringan Individu Bergejala	Survelan di fasiliti kesihatan	Lain-lain Saringan	Punca Jangkitan				
			Tempatan	Import A	Import B	Import C					
Kuching	113	0	90	2	2	19	113	0	0	0	2
Sibu	107	0	72	20	0	15	106	0	0	1	20
Bintulu	101	Jalan Coastal Bintulu Miri=1	85	5	0	10	101	0	0	0	5
Miri	72	Jalan Agama=1 Jalan Dato Permaisuri=1 Jalan Brooke=1	47	9	1	12	71	1	0	0	9
Sri Aman	39	Sungai Parik=5 Banting=1	30	1	0	2	39	0	0	0	1
Kapit	26	0	18	4	0	4	26	0	0	0	4
Tatau	26	0	26	0	0	0	26	0	0	0	0
Pakan	19	0	16	3	0	0	19	0	0	0	3
Samarahan	15	Muara Tabuan=2	11	1	0	1	11	0	0	4	1
Sebauh	12	0	12	0	0	0	12	0	0	0	0
Subis	11	0	8	1	0	2	11	0	0	0	1
Betong	11	Hulu Spaoh=10	1	0	0	0	11	0	0	0	0
Serian	9	Muara Tabuan=2	6	0	0	1	5	0	0	4	0
Meradong	9	Skim B=1	8	0	0	0	9	0	0	0	0
Bau	8	0	4	3	0	1	5	0	0	3	3
Mukah	4	Bunut=4	0	0	0	0	4	0	0	0	0
Asajaya	4	Muara Tabuan=1	3	0	0	0	3	0	0	1	0
Bukit Mabong	4	0	3	0	0	1	4	0	0	0	0
Pusa	2	Beladin=2	0	0	0	0	2	0	0	0	0
Julau	2	0	1	1	0	0	2	0	0	0	1
Lawas	2	0	0	0	0	2	0	0	2	0	0
Daro	1		1	0	0	0	1	0	0	0	0
Sarikei	1	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Marudi	1		0	0	0	1	1	0	0	0	0
Canowit	1	0	0	1	0	0	1	0	0	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>600</b>	<b>32</b>	<b>443</b>	<b>51</b>	<b>3</b>	<b>71</b>	<b>584</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>13</b>	<b>51</b>

**B. Kluster Yang Masih Aktif**

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
1	Kluster Abak Bon, Subis	0	231	0	229	460	4	1
2	Kluster Jalan Disa, Sibu	0	137	0	199	336	12	0
3	Kluster Sungai Duan, Mukah	0	313	0	337	650	14	1
4	Kluster Jalan Selirik, Kapit	0	300	0	100	400	12	1
5	Kluster Putai, Bukit Mabong	0	440	0	1,763	2,203	41	0
6	Kluster Rayang, Serian	0	95	0	1,253	1,348	2	0
7	Kluster Sungai Ngungun, Kanowit	0	49	0	36	85	0	0
8	Kluster Melugu, Sri Aman	0	120	7	455	582	7	0
9	Kluster Sains Bakam, Miri	0	28	0	630	658	0	0
10	Kluster Jalan Agama, Miri	1	159	21	700	880	11	0
11	Kluster Sungai Ranan, Kanowit	0	122	0	109	231	3	1
12	Kluster Nanga Tajam, Selangau	0	69	0	70	139	3	0
13	Kluster Long Jegan, Beluru	0	94	0	100	194	2	0
14	Kluster Sungai Nirai, Selangau	0	55	0	25	80	1	1
15	Kluster Sungai Tengah, Bau	0	50	0	132	182	1	0
16	Kluster Sebujok, Sri Aman	0	92	8	120	220	2	0
17	Kluster Mongkos, Tebedu	0	56	0	47	103	0	0
18	Kluster Bungey, Betong	0	40	7	450	497	2	0
19	Kluster Tanjong Kibong, Sibu	0	82	1	37	120	6	0
20	Kluster Jalan Sawit, Sarikei	0	71	0	151	222	4	0
21	Kluster Beladin, Pusa	2	221	173	3,600	3,994	30	0
22	Kluster Jalan Limbang, Miri	0	158	1	543	702	16	1
23	Kluster Penurin, Betong	0	31	0	160	191	1	0
24	Kluster Tebedu Mawang, Tebedu	0	50	0	86	136	0	0
25	Kluster Jalan Stadium Negeri, Kuching	0	64	6	180	250	9	0
26	Kluster Ulu Anap, Tatau	0	19	0	106	125	2	0
27	Kluster Emperan, Selangau	0	215	0	339	554	26	1
28	Kluster Bako Hilir, Kuching	0	21	0	42	63	0	0
29	Kluster Nanga Skrang, Sri Aman	0	37	0	29	66	4	1
30	Kluster Skim Penempatan Stapok, Kuching	0	32	25	60	117	3	0

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
31	Kluster Jalan Rubber, Kuching	0	15	0	143	158	5	0
32	Kluster Singgahsana Lodge, Kuching	0	14	0	52	66	0	0
33	Kluster Jalan Lilin, Miri	0	59	11	192	262	13	0
34	Kluster Sungai Rayah, Meradong	0	13	0	37	50	0	0
35	Kluster Kampung Boyan, Kuching	0	37	0	50	87	2	0
36	Kluster Jalan Sultan Tengah, Kuching	0	6	0	21	27	0	0
37	Kluster Stunggang, Lundu	0	10	0	126	136	0	0
38	Kluster Jalan Jambusan, Bau	0	20	4	26	50	0	0
39	Kluster Jelang, Betong	0	25	1	119	145	7	0
40	Kluster Hulu Spaoh, Betong	10	110	9	710	829	26	0
41	Kluster Jalan Endap Sawit, Samarahan	0	40	0	10	50	29	0
42	Kluster Kenyalang Park, Kuching	0	35	0	38	73	13	0
43	Kluster Tebakang, Serian	0	28	3	54	85	0	1
44	Kluster Jalan Simpang Tiga, Kuching	0	56	3	30	89	13	0
45	Kluster Taman Sourabaya Indah, Kuching	0	9	3	22	34	4	0
46	Kluster Jalan Jambatan Gantung, Kuching	0	9	1	15	25	0	0
47	Kluster Sungai Majau, Kanowit	0	26	1	24	51	0	0
48	Kluster Bukit Temedak, Pakan	0	31	9	48	88	1	0
49	Kluster Selumit, Tanjung Manis	0	26	8	99	133	6	0
50	Kluster Jalan Dato Permaisuri, Miri	1	48	18	301	367	26	0
51	Kluster Kampung Semerah Padi, Kuching	0	28	0	82	110	7	0
52	Kluster Jalan Sukma, Kuching	0	11	64	3	78	7	0
53	Kluster Akedemi Semariang, Kuching	0	15	40	15	70	0	0
54	Kluster Lubok Nitik, Saratok	0	38	30	79	147	25	1
55	Kluster Tanjung Bundong, Samarahan	0	22	0	19	41	17	0
56	Kluster Tengah Hulu Gedong, Simunjan	0	22	42	90	154	3	0
57	Kluster Sungai Sian, Meradong	0	29	0	34	63	14	0
58	Kluster Gerigat, Kabong	0	38	216	327	581	19	0
59	Kluster Sungai Parik, Sri Aman	5	29	94	7	130	19	0
60	Kluster Jalan Jambusan Sunchar, Bau	0	33	150	60	243	24	0

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
61	Kluster Jalan Coastal Bintulu-Miri, Bintulu	1	70	369	1,135	1,574	67	0
62	Kluster Muara Tabuan, Kuching	5	257	143	200	600	169	0
63	Kluster Jalan Haji Lampam, Miri	0	23	14	114	151	13	0
64	Kluster Bunut, Mukah	4	39	78	229	346	19	0
65	Kluster Jalan Brooke, Miri	1	19	29	119	167	16	0
66	Kluster Jalan Cattleya, Miri	0	23	21	131	175	17	0
67	Kluster Jalan Pinang Riam, Miri	0	17	2	111	130	7	0
68	Kluster Sungai Penyarai, Tatau	0	31	38	40	109	31	0
69	Kluster Nanga Meruan, Selangau	0	39	0	81	120	24	0
70	Kluster Sungai Selangan, Sarikei	0	102	0	185	287	69	0
71	Kluster Jalan Muara, Kuching	0	15	33	60	108	14	0
72	Kluster Skim B, Meradong	1	29	8	49	86	28	0
73	Kluster Banting, Sri Aman	1	60	47	155	262	58	0
74	Kluster Ijus Pengelayan, Miri	0	55	8	100	163	52	0
75	Kluster Jalan Kampung Yoh, Sebauh	0	58	12	13	83	58	0
76	Kluster Ulu Sebakong, Mukah	0	50	7	90	147	50	0
<b>JUMLAH</b>		<b>32</b>	<b>5,220</b>	<b>1,765</b>	<b>17,733</b>	<b>24,718</b>	<b>1,190</b>	<b>10</b>

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **409** Person Under Surveillance (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **105 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **5,545 orang**. Manakala seramai **112,315 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 06.06.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (1,522)</b>	Hock Lee	85
2		Grand Dorman	27
3		Kuching Park	79
4		Pullman	132
5		Hilton	178
6		Riverside (Astana Wing)	130
7		Grand Margherita	154
8		Imperial Boulevard	216
9		Tune Hotel	35
10		Dormani Hotel	40
11		Grand Continental	104
12		Meritin	41
13		Longhouse	50
14		Abell	47
15		Lot 10	43
16		Telang Usan	16
17		Imperial Riverbank	46
18		G Star Motel	30
19		Dorset	69
20	<b>Miri (678)</b>	Mega Hotel	50
21		Somerset	85
22		Imperial Palace	45
23		Imperial New Wing	90
24		Paragon	10
25		Meritz	59
26		Miri	32
27		Dynasty	116
28		Kenyalang Suite	0
29		Citi Hotel	31
30		Nova	31
31		Emart Hotel	137

32	<b>Bintulu (2,311)</b>	Utama Inn	15
33		Fairfield by Marriot	177
34		Motel Kapok	62
35		Faber Inn	10
36		AA Inn	34
37		Ambassador	76
38		Kemenia Inn	15
39		Green	46
40		Kemenia Plaza	191
41		40ty Inn	54
42		Lengkap Inn	63
43		Studio Inn	65
44		Moonstar Inn	27
45		Parkcity Garden	49
46		Kriss Lodge	62
47		Centre Inn	25
48		Welcome Inn	17
49		Parkcity Garden 2	105
50		Lucky 5 Inn	34
51		900 Inn	18
52		New World Suite	70
53		Golden Bay	14
54		Kemenia Resort	118
55		Inn 86	49
56		Sunlight Inn	16
57		Hover Hotel	55
58		Royal Hotel	31
59		Ocean Inn	22
60		Best Lodge	23
61		H5 Inn	59
62		DK Value Inn	12
63		Li Hua	109
64		Grand Faber Inn	32
65		JC Mark Hotel	8
66		186 Inn	27
67		Riverfront	48
68		682 Inn	30
69		Sir Inn	30
70		Kintown Inn	70
71		@Thome Inn	20
72		Kemenia Residence	22

73		Amigo Hotel	68
74		Living Hotel	5
75		City Inn	22
76		The Inn	79
77		Velton Inn	20
78		Dream World inn	23
79		Raggae Inn	40
80		Public Inn	20
81		Maxi Inn	24
82	<b>Limbang (261)</b>	Purnama	92
83		Mandarin (Lawas)	31
84		Shangsan (Lawas)	61
85		Seri Malaysia (Lawas)	77
86	<b>Sibu (180)</b>	Premier	68
87		Kawan	93
88		Sarawak	8
89		Tower Mas	11
90	<b>Samarahan (177)</b>	INFRA	94
91		Kolej Rafflesia, UNIMAS	55
92		UiTM Samarahan	28
93	<b>Sarikei (89)</b>	Garden Hotel	39
94		Dragon	50
95	<b>Betong (127)</b>	Mega Inn	36
96		Medan Inn	18
97		Victoria Inn	12
98		Asia Inn	25
99		Homestay Betong	12
100		Victoria Inn 2	17
101		Lot 10 Medan	0
102	<b>Serian (66)</b>	Transit Inn	52
103		Ranchan	14
104	<b>Mukah (111)</b>	Kingwood	111
105	<b>Sri Aman (23)</b>	Good View	23
		<b>Jumlah PUS</b>	<b>5,545</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **34 lokasi di Kuching (8), Miri (8), Sarikei (5), Sibu (3), Kapit (2), Bintulu (2), Limbang (2), Samaraham (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Mukah (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **4,921 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 06.06.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>8</b>	<b>1,196</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>8</b>	<b>963</b>
<b>3</b>	<b>Sarikei</b>	<b>5</b>	<b>577</b>
<b>4</b>	<b>Sibu</b>	<b>3</b>	<b>536</b>
<b>5</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>307</b>
<b>6</b>	<b>Kapit</b>	<b>2</b>	<b>286</b>
<b>7</b>	<b>Bintulu</b>	<b>2</b>	<b>228</b>
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>220</b>
<b>9</b>	<b>Limbang</b>	<b>2</b>	<b>205</b>
10	Betong	TIADA	161
<b>11</b>	<b>Mukah</b>	<b>1</b>	<b>153</b>
<b>12</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>89</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>4,921</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **53 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 06.06.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Lubok Antu	1
4	MP Sibu	9
5	BDA	2
6	MCC	23
7	MD Marudi	6
8	MD Lawas	6
<b>Jumlah</b>		<b>53</b>

## 5. LAPORAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) NEGERI SARAWAK (STATISTIK PEMANTAUAN DAN KOMPAUN)

Hari ini, sebanyak **439** pemeriksaan harian dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak sebanyak **28,413 pemeriksaan**. Manakala sebanyak 25 kompaun telah dikeluarkan sejak 13 Mei 2021 seperti berikut:

(Data sehingga 06.06.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	KOMPAUN HARIAN	KOMPAUN TERKUMPUL
<b>1</b>	<b>Sibu</b>	<b>TIADA</b>	<b>12</b>
<b>2</b>	<b>Mukah</b>	<b>TIADA</b>	<b>5</b>
<b>3</b>	<b>Kuching</b>	<b>TIADA</b>	<b>3</b>
<b>4</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>TIADA</b>	<b>3</b>
<b>5</b>	<b>Limbang</b>	<b>TIADA</b>	<b>2</b>
6	Samarahan	TIADA	0
7	Serian	TIADA	0
8	Betong	TIADA	0
9	Sarikei	TIADA	0
10	Kapit	TIADA	0
11	Bintulu	TIADA	0
12	Miri	TIADA	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>25</b>

**Rumusan / Catatan :** Pemerhatian di semua pasar raya, kedai runcit dan pasar awam mendapati tiada berlaku pembelian panik. Bekalan makanan keperluan asas masih banyak di pasaran.

## 6. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 06.06.2021 @ 3.00 petang)

### DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Chop Eng Kee	Workplace	22 - 30.05.2021	N/R
Kiosk Kraftangan, Plaza Merdeka	Workplace	22 - 28.05.2021	N/R
Imperial Riverbank Hotel Kuching	Workplace	24 - 30.05.2021	N/R
		01 - 04.06.2021	
Penjara Puncak Borneo	Workplace	29.05.2021	8.00 am - 5.00 pm
Hornbill Skyways	Workplace	31.05.2021	8.00 am - 5.00 pm
Super Save Discount Store - Matang Mall	Social Activity - Customer	29.05.2021	4.50 pm - 5.20 pm
Guardian, Satok	Social Activity - Customer	31.05.2021	3.40 pm - 4.00 pm
BS Superstore, Jalan Depo	Social Activity - Customer	01.06.2021	10.55 am - 11.15 am
AEON KCC Supermarket	Social Activity - Customer	01.06.2021	3.50 pm - 4.20 pm
Golden Dragon City, Jalan Setia Raja	Social Activity - Customer	01.06.2021	3.00 pm - 3.30 pm
Everrise, Padungan	Social Activity - Customer	02.06.2021	3.20 pm - 3.50 pm
Everwin Supermarket, Batu Kawa	Social Activity - Customer	02.06.2021	1.00 pm - 1.20 pm

### DAERAH SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Market Bandar Riyal	Social Activity - Customer	31.05.2021	4.00 pm - 5.00 pm
Farley KS	Social Activity - Customer	01.06.2021	10.00 am - 11.30 am
CCK Bandar Riyal	Social Activity - Customer	01.06.2021	11.30 am - 12.00 pm
Shun Lian Trading Bandar Riyal	Social Activity - Customer	01.06.2021	9.00 am - 9.30 am
Everwine Samarahan	Social Activity - Customer	01.06.2021	9.00 am - 10.30 am
Taka Cake House Bandar Riyal	Social Activity - Customer	02.06.2021	2.00 pm - 2.30 pm
Samarindah Farmasi	Social Activity - Customer	02.06.2021	3.00 pm - 3.15 pm
Ting Farmasi	Social Activity - Customer	02.06.2021	3.15 pm - 3.30 pm

**DAERAH SERIAN**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Baki Food Junction - Nah Mee Trading Serian	Social Activity - Customer	24.05.2021	5.24 pm - 5.29 pm
		30.05.2021	2.54 pm - 2.59 pm
Xing Ann Motor Centre, Serian	Social Activity - Customer	26.05.2021	1.07 pm - 1.12 pm
		29.05.2021	12.09 pm - 12.14 pm
Kiaw Ann Cafe, Serian	Eatery	30.05.2021	11.24 am - 11.29 am
CIMB Bank, Serian	Social Activity - Customer	31.05.2021	3.51 pm - 3.56 pm

**DAERAH SIBU**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Green Life Garden	Social Activity - Customer	30.05.2021	8.56 am - 9.15 am
		02.06.2021	8.45 am - 9.00 am
New Yum Yum Café	Eatery	25.05.2021	12.00 pm - 12.10 pm
ABX Express Sdn Bhd	Social Activity - Customer	27.05.2021	8.55 am - 9.10 am
Kim Hock Supermarket - Sibu Jaya	Social Activity - Customer	28.05.2021	6.05 pm - 6.15 pm
Everwin Eco Mart Sdn Bhd	Social Activity - Customer	29.05.2021	5.52 pm - 6.10 pm
Everfull Kopitiam Sibujaya	Eatery	30.05.2021	12.46 pm - 1.00 pm
Mega Store	Social Activity - Customer	30.05.2021	6.48 pm - 7.00 pm
Taman Damai Market	Social Activity - Customer	30.05.2021	9.00 am - 9.20 am
KFC Sibu Jaya	Eatery	31.05.2021	3.11 pm - 3.20 pm
Ta Kiong Emporium Sdn Bhd- Tuanku Osman Road	Social Activity - Customer	02.06.2021	9.31 am - 9.45 am
Ben's Pharmacy	Social Activity - Customer	03.06.2021	4.55 pm - 5.05 pm

**DAERAH BINTULU**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Thien Hiong Cafe	Eatery	20.05.2021	10.25 am - 10.35 am
Sibiyu Mart	Social Activity - Customer	23.05.2021	1.30 pm - 1.40 pm
MDS Mart Sarawak	Social Activity - Customer	25.05.2021	10.25 am - 10.45 am
Times Square Megamall	Social Activity - Customer	26.05.2021	2.50 pm - 3.30 pm
Restoran DRPR Ria	Eatery	26.05.2021	12.20 pm - 12.30 pm
Pasar Tamu Bintulu	Social Activity - Customer	26.05.2021	8.30 am - 8.45 am
Econsave Kidurong	Social Activity - Customer	27.05.2021	1.05 pm - 1.20 pm

**DAERAH MIRI**

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Sharetea, Jalan Ilmu	Eatery	24.05.2021	12.55 pm - 1.10 pm
Joo Fah Drug Co., Jalan Melayu	Social Activity - Customer	24.05.2021	9.45 am - 10.00 am
H&J Porky Store, Jalan Permata		25.05.2021	
CI Khoon Eletronics Sdn Bhd, Jalan Dato Sri Joseph Balan Seling	Social Activity - Customer	26.05.2021	2.05 pm - 2.20 pm
Sugarbun, Jalan Datuk Edward Jeli	Eatery	26.05.2021	6.40 pm - 6.55 pm
Mn Hardware & Machinery Co, Jalan Krokop 7	Social Activity - Customer	27.05.2021	10.05 am - 10.20 am
H&M, Bintang Megamall	Social Activity - Customer	28.05.2021	3.05 pm - 3.20 pm
Chickilicious, Bintang Megamall	Eatery	28.05.2021	5.40 pm - 5.55 pm
Uniqlo, Bintang Megamall	Social Activity - Customer	28.05.2021	3.50 pm - 4.05 pm
72 Food Court ,Jalan Ilmu	Eatery	28.05.2021	8.55 am - 9.10 am
Hot Cross Buns Café Bakery, Jalan Maigold	Social Activity - Customer	29.05.2021	5.10 pm - 5.25 pm
Rox Café, Jalan Ilmu	Eatery	01.06.2021	10.45 am - 11.00 am
Sweety Café,Jalan Ilmu	Eatery	02.06.2021	10.20 am - 10.35 am